

UPM bina makmal khas selidik flora, fauna di hutan Simpan Ayer Hitam

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan membina makmal khas untuk penyelidikan dan pendidikan berkaitan flora serta fauna di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, pada 2011.

Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof Madya Dr Awang Noor Abd Ghani, berkata makmal bernilai RM18 juta itu akan digunakan penuntut dan penyelidik bagi tujuan pengumpulan maklumat mengenai spesies yang belum ditemui di hutan simpan berkenaan.

"Ketika ini kami di peringkat tender bagi memilih kontraktor untuk membina makmal itu," katanya pada majlis pelancaran Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Awang Noor berkata, makmal yang bakal dibina itu antara kemudahan terdapat di Stesen Luar Pendidikan dan Penyelidikan UPM yang akan dibangunkan dengan konsep mesra alam.

"Ia adalah usaha dan perancangan jangka panjang fakulti bagi menyelamat dan memelihara spesies serta hidupan liar yang terdapat di hutan simpan ini.

"Selain kayu dan ubat-ubatan hutan yang belum diterokai, ada juga hidupan liar seperti burung helang yang belum direkodkan," katanya.

Awang Noor berkata, UPM bercadang mewartakan kawasan berkenaan sebagai hutan kategori pelajaran dan penyelidikan, bermakna ia tidak boleh digunakan untuk pembangunan atau rekreasi kecuali dengan kelulusan kerajaan Selangor.

Terdahulu dalam ucapannya, Nik Mustapha, berkata program Kempas bertujuan mendedahkan pelajar mengenai kepentingan pemelihara-

an alam semula jadi.

Katanya, program yang dimulakan sejak 1977 itu dike-maskini dengan mengadakan pertandingan menulis esei, selain Kuiz Alam Semula Jadi dan Kempas.

Beliau turut merasmikan Ekspedisi Saintifik Hutan Simpan Ayer Hitam bagi memberi peluang penyelidik mengkaji sistem ekologi dan biologi flora serta fauna yang terdapat di situ.

Sementara itu, ExxonMo-bil Malaysia menyumbang sebanyak RM80,000 bagi membiayai program Kempas tahun ini.

Cek penajaan disampaikan Pengarah Eksekutif Urusan Perniagaan Subsidiari Exxon-Mobil Malaysia, Fatimah Meri-can kepada Nik Mustapha.

Hutan Simpan Ayer Hitam, seluas 1,217 hektar satu-satuinya Hutan Tanah Pamah Dip-terokpa yang masih wujud di Lembah Klang dianugerah Kerajaan Selangor bagi tujuan pengajaran, penyelidi-kan dan pengembangan.

FATIMAH menyerahterahkan cek tajaan program Kempas kepada Nik Mustapha, sambil disaksikan Awang Noor (dua dari kiri) di Stesen Luar Pendidikan dan Penyelidikan UPM, Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, baru-baru ini.

14 April 2009

